PRAKTIS PT3

CERPEN DAN DRAMA

Praktis PT3 1

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Oh, Nek Piah tu memang tak pindah!"

Mereka mengujarkan kata-kata itu dengan bersahaja sambil mata berlari memerhati bungkusan dalam kedua-dua beg plastik yang berat di tangan saya. Selepas bersoal jawab, anak-anak remaja yang bermain sampan sehingga ke jalan besar – tempat saya turun dari lori yang ditumpangi – menghantar harapan hati ini ke rumah itu. Saya melangkah ke anak tangga di hadapan rumah usangnya. Remaja yang menghantar saya menakalkan diri meranduk air separas leher. Kenapa Nek Piah hendak bertahan dalam banjir seperti ini?

Dia membuka pintu setelah salam ketiga saya laungkan. Lukisan ceria terpamer di wajah tua, tanda teruja menyalam perkenalan.

[2]Ingin sangat saya memeluknya bagi menyerah kasih anak, bahawa saya diutus Allah untuk mengangkat hasratnya yang terpendam di lembah kepiluan. Mak Piah merenung mencari jawapan, apabila saya meletakkan bungkusan takdir di atas lantai yang beralaskan warna keikhlasan pada tikar mengkuangnya. Saya membiarkan dia meneroka jawapan sambil saya sendiri *menyelami kerinduan* pada wajah yang berusia hampir sebaya emak sewaktu melepaskan nafas terakhirnya. Tidak tergamak hati ini membiarkan dia menyelongkar fikir, mencari jawapan yang hanya semudah saya tersalah menekan sebiji butang di telefon bimbit lalu masuk ke talian rumahnya.

(Dipetik daripada cerpen "Banjir di Mata Emak", antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1 Maksud rangkai kata *menyelami kerinduan* ialah ARAS : R

A mencari erti kata-kata.
(B) menduga perasaan rindu.
C menunjukkan penghargaan.
D mengungkapkan kasih sayang.

2 Apakah sebab utama "saya" mencari Nek Piah? [OMG m.s. 99] ARAS : R

(A) Melepaskan rindu seorang anak
B Mengajaknya untuk berpindah
C Memeriksa keadaannya
D Menghantar makanan

3 Berikut merupakan perwatakan "saya" berdasarkan petikan di atas, **kecuali** ARAS : S

A bertanggungjawab.
B penyayang.
C peramah.
(D) jujur.

"Saya" sentiasa menyayangi dan merindui ibunya walaupun dia sudah meninggal dunia.

4 Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah ARAS : S

A menanam tebu di bibir.
(B) hilang di mata, di hati jangan.
C bagai menatang minyak yang penuh.
D yang jauh didekatkan, yang dekat dirapatkan.

5 Kasih ibu membawa ke syurga.
Pada pendapat anda, bagaimanakah kita boleh menunjukkan kasih sayang kepada ibu kita? ARAS : T

(A) Menghormati dan menjaga kebajikannya
B Memujanya lebih daripada segala-gala
C Membanjiri dengan kemewahan
D Menurut semua permintaannya

Dalam peperiksaan sebenar, soalan bahagian ini boleh terdiri daripada 3 hingga 5 soalan.

LIVEWORKSHEETS